

Pandangan Yusuf al-Qaradawi Terhadap Fiqh Semasa

NASRUL HISYAM NOR MUHAMAD

ABSTRAK

Artikel ini cuba menganalisis pandangan Yusuf al-Qaradawi yang merupakan seorang sarjana Islam kontemporari berkenaan keperluan fiqh semasa untuk menangani isu-isu semasa umat Islam. Menurut al-Qaradawi, pemahaman semula terhadap fiqh ini adalah penting kerana keadaan sosial, ekonomi dan politik umat Islam pada hari ini adalah jauh berbeza dengan zaman awal perkembangan Islam. Artikel ini juga menganalisis pandangan beliau mengenai etika pengeluaran fatwa yang mesti dipatuhi oleh sarjana Islam (khususnya Mufti) dalam melakukan ijtihad.

ABSTRACT

This article tries to analyze the view of Yusuf al-Qaradawi who is the contemporary Muslim scholar regarding the need to reunderstand the fiqh of Islam in order to control the issues of today's ummah. According to al-Qaradawi, this need is essential since the social, economic and political life of the ummah is far more different than the early period of Islam. This article also analyzes his view pertaining to the etiquette in giving "fatwa" that must be followed by our Muslim scholars in their effort of making "ijtihad".

PENDAHULUAN

Yusuf al-Qaradawi adalah seorang profesor yang diiktiraf sebagai pemikir Islam dan ulama kontemporari. Ini adalah kerana beliau banyak memberi sumbangan dalam bidang fiqh, usul *al-fiqh*, dakwah Islamiah, gerakan Islam, ekonomi, sastera dan pemikiran. Selain daripada itu, beliau juga terkenal sebagai ulama yang membawa manhaj atau metodologi pemikiran yang unik dan agak berbeza daripada sarjana Islam moden yang lain. Pendekatan *wasatiyah*nya membuatkan pendapat beliau mudah untuk diterima, dan berdasarkan pendekatan ini beliau mampu menulis ratusan buku dalam pelbagai bidang ilmu Islam yang tersebar di seluruh dunia. Pemikiran al-Qaradawi dalam fiqh dapat dilihat melalui karyanya tentang permasalahan fiqh, persoalan isu semasa umat Islam, keperluan kepada ijtihad kontemporari dan persoalan mengenai fatwa.

PEMBAHARUAN FIQH

Al-Qaradawi (1990: 22-23) dalam bukunya *Madkhal li dirasat al-Syari'ah al-Islamiyyah* menyatakan bahawa syariat Islam itu terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama ialah hukum-hukum yang bersifat tetap dan qudus yang telah ditetapkan melalui nas-nas al-Quran dan al-Sunnah yang jelas petunjuknya. Bahagian kedua ialah hukum-hukum yang bersifat *ijtihadi* yang merupakan bidang fiqh, dan dikembangkan oleh ulama-ulama Islam. Bahagian kedua ini merupakan bahagian yang terbesar dalam syariat Islam, dan ia merupakan pembaharuan (*tajdid*) dan pengembangan (*takwir*) fiqh. Dengan kata lain, fiqh Islam adalah bersifat *thabit* iaitu tetap pada perkara-perkara usul dan hukum-hukum *kulli* dan *murunah* iaitu bersifat fleksibel serta mampu berkembang pada perkara-perkara *furu'* dan hukum-hukum *juz'i* (al-Qaradawi 1977: 204-244).

Al-Qaradawi (1997) dalam penulisannya *Shari'ah al-Islam Salihah li al-Tatbiq fi Kul Zaman wa Makan*, secara tegas menyatakan bahawa syariat Islam adalah satu perundangan yang praktikal pada setiap masa dan zaman, walaupun realiti kehidupan masa kini telah berubah dari setiap sudut termasuk ekonomi, sosial, politik dan kenegaraan. Beliau juga berpendapat bahawa syariat Islam adalah praktikal pada semua tempat dan zaman kerana terdapatnya faktor-faktor keluasan dan kehebatan dalam syariat Islam itu sendiri. Al-Qaradawi (1999) dalam penulisannya bertajuk *'Awamil al-Si'ah wa al-Murunah fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*, menyenaraikan lima faktor keluasan dan kehebatan yang terdapat dalam syariat Islam iaitu:

1. Luasnya ruang kemaafan atau kekosongan yang sengaja ditinggalkan.
2. Pengutamaan nas-nas syarak terhadap hukum yang bersifat umum (*kulli*).
3. Kemungkinan nas-nas tersebut untk menerima pelbagai pemahaman.
4. Meraikan keperluan dasar (*al-daruriyyat*), keuzuran dan keadaan khusus yang dikecualikan daripada hukum.
5. Perubahan fatwa berdasarkan perubahan masa, tempat, keadaan dan *'urf*.

KEPERLUAN ASASI BAGI PELAKSANAAN SYARIAT ISLAM

Al-Qaradawi (1990: 273-293) menyatakan bahawa terdapat tiga keperluan asasi yang perlu dilakukan bagi melaksanakan syariat Islam iaitu:

1. Perlaksanaan ajaran Islam secara menyeluruh.
2. Pembersihan masyarakat daripada sebarang unsur yang bertentangan dengan Islam.
3. Keperluan untuk melakukan ijtihad semasa.

1. Pelaksanaan ajaran Islam secara menyeluruh. Setiap aspek dalam ajaran Islam bukanlah sesuatu yang terpisah. Setiap satunya merupakan penyempurnaan kepada aspek yang lain. Sebagai contoh, hukuman bagi kesalahan zina hanya boleh dilaksanakan apabila peluang untuk berkahwin dibuka seluas-luasnya bagi sesiapa yang ingin berkahwin dan segala jalan yang membawa ke arah zina disekat. Begitu juga hukuman bagi jenayah curi. Keadilan Islam tidak akan tercapai apabila hukuman potong tangan dijalankan, tetapi dalam masa yang sama kewajipan zakat diabaikan, prinsip *takaful ijtimai* diabaikan dan penindasan serta kezaliman tidak dihapuskan (al-Qaradawi 1980: 139-141). Bagi al-Qaradawi (1993: 167-171), undang-undang semata-mata belum lagi menjamin kejayaan bagi pelaksanaan syariat Islam. Perkara yang penting ialah mewujudkan generasi Muslim yang betul-betul menghayati ruh Islam sama ada di peringkat individu, masyarakat ataupun para hakim, dan kerajaan sebagai pelaksana undang-undang.

2. Pembersihan masyarakat daripada sebarang unsur yang bertentangan dengan Islam. Pembersihan masyarakat daripada sebarang unsur yang bertentangan dengan dengan Islam sama ada dalam aspek ekonomi dan sosial atau daripada aspek pemikiran dan hala tuju, adalah salah satu daripada keperluan asasi yang perlu dilakukan bagi melaksanakan syariat Islam. Antara unsur dalam masyarakat yang bertentangan dengan Islam ialah tersebarnya faedah yang merupakan riba di institusi kewangan, gejala sosial seperti minum arak, dadah, kegiatan pelacuran, hiburan yang melalaikan dan penguatkuasaan undang-undang buatan manusia (bukan perundangan Islam). Menurut al-Qaradawi (1990: 287-289), penghapusan unsur-unsur tersebut yang juga merupakan kesan daripada penjajahan akan memudahkan usaha ke arah pelaksanaan syariat Islam. Beliau menolak pandangan yang menyatakan bahawa kita tidak boleh melarikan diri daripada fenomena-fenomena di atas dan apa yang perlu hanyalah mengelakkan fenomena tersebut daripada berlaku dan bukan menghapuskannya. Begitu juga pandangan golongan *al-tabririyyah* yang cuba meletakkan perkara tersebut sebagai benar dan selari dengan Islam. Inilah yang berlaku kepada golongan yang berjijihad untuk menghalalkan faedah bank yang telah jelas pengharamannya.

Dalam konteks pelaksanaan aspek dalam syariat Islam, termasuk dakwah, fatwa, pembangunan ekonomi dan sosial, menuntut ilmu, amalan seharian sehingga kepada politik dan polisi pemerintahan negara, al-Qaradawi (2000) dalam *Fi Fiqh al-Awlawiyyat*, dan al-Qaradawi (1992) dalam *Awlawiyyat al-Harakat al-Islamiyyah fi Marhalah al-Qadimah* menekankan perlunya aspek-aspek tersebut dilaksanakan mengikut keutamaan dan keperluan. Dengan demikian, beliau menyenaraikan beberapa fiqh yang perlu diberi perhatian iaitu *fiqh al-awlawiyyat* (fiqh keutamaan) yang juga dikenali sebagai *fiqh maratib al-amal*, *fiqh al-muwazanat* (fiqh pertimbangan), *fiqh al-maqasid* (fiqh bagi mengetahui maksud syariat) dan *fiqh al-nusus* (fiqh nas-nas al-Quran dan al-Sunnah). Di samping tu, perlu juga ditekankan *fiqh al-waqi'* iaitu kefahaman mengenai realiti manusia dan kehidupan sekitarnya. Oleh kerana itu, kajian dan tinjauan yang

serius perlu dilakukan terhadap kehidupan masyarakat terlebih dahulu, sebelum berlakunya penetapan dan pelaksanaan hukum. Penerapan fiqh al-waqi^c ini dalam memahami dan melaksanakan syariat sangat perlu ke arah pertimbangan (*al-muwazanah*) yang betul dan jauh daripada unsur-unsur melampau (al-Qaradawi 2000: 5 & 25-33; al-Qaradawi 1984: 152-159 & al-Qaradawi 1992: 25-45). Pertimbangan yang dimaksudkan oleh al-Qaradawi (1992: 25-33) di sini ialah pertimbangan antara sesama *al-masalih* (kebaikan), antara sesama *al-mafasid* (keburukan dan kerosakan) dan pertimbangan antara *al-masalih* dan *al-mafasid*.

3. Keperluan untuk melakukan ijtihad semasa. Keperluan kepada ijtihad semasa adalah perlu bagi pelaksanaan syariat Islam. Al-Qaradawi (2002), dalam bahagian pendahuluan bukunya, *al-Ijtihad fi al-shari^cah al-Islamiyyah ma'a Nazarat Tahliyyah fi al-Ijtihad al-Mu^casir*, menyatakan bahawa ijtihadlah yang menjadikan syariat Islam ini subur dan mampu untuk menghadapi permasalahan-permasalahan baru, seterusnya sesuai dipraktikkan pada setiap masa dan tempat. Melalui penelitian yang dilakukan ke atas buku tersebut, dapat dikatakan bahawa al-Qaradawi mewakili aliran sederhana dalam bidang ijtihad. Ini dapat dilihat terutamanya daripada sudut definisi ijtihad dan syarat-syarat yang perlu dipenuhi seorang mujtahid.

Menurut al-Amidi (1985: 218), takrif ijtihad ialah mencurahkan seluruh kemampuan untuk memperoleh hukum syarak yang bersifat *zanni* sehingga merasakan dirinya sudah tidak mampu untuk melakukan tambahan daripada kemampuannya tersebut. Al-Qaradawi (2002: 7-75) tidak menerima pentakrifan yang terlalu ketat ataupun pentakrifan yang terlalu longgar. Beliau bersetuju dengan definisi yang diberikan oleh al-Syaukani dalam bukunya, *Irshad al-Fuhul* iaitu “menggunakan kemampuan untuk memperolehi hukum syarak yang bersifat amali dengan cara istinbat”.

Dalam konteks syarat-syarat yang perlu dipenuhi seorang mujtahid, al-Qaradawi (2002: 7-75) meletakkan lapan syarat yang disepakati dan membincangkan tiga syarat lain yang diperselisihkan. Lapan syarat tersebut ialah:

1. Mengetahui al-Quran
2. Mengetahui al-Sunnah
3. Menguasai bahasa Arab
4. Mengetahui hukum-hukum ijma^c
5. Memahami usul al-fiqh
6. Memahami objektif syariat
7. Mengenal manusia serta persekitarannya
8. Bersifat adil dan taqwa

Syarat yang ketujuh, iaitu mengenal manusia dan persekitarannya merupakan syarat baru yang diletakkan oleh al-Qaradawi. Ini adalah perlu kerana seorang

mujtahid perlu berjihad berasaskan realiti seseorang individu atau masyarakat. Ukuran yang ditetapkan oleh beliau dalam memenuhi lapan syarat tersebut adalah sederhana, tidak terlalu ketat dan tidak terlalu ringan. Misalnya dalam syarat pertama, al-Qaradawi menyatakan bahawa seorang mujtahid mestilah memiliki kefahaman yang menyeluruh tentang al-Quran dengan memberi tumpuan kepada ayat-ayat hukum. Penghafalan ayat-ayat al-Quran juga tidak disyaratkan. Memadailah mujtahid itu mampu untuk merujuk ayat al-Quran berkenaan pada waktu yang diperlukan.

Tiga syarat yang diperselisihkan ialah mengetahui ilmu usuluddin, mantiq dan mengetahui cabang-cabang fiqh. Berkaitan dengan ilmu usuluddin, al-Qaradawi (2002: 7-75) berpendapat bahawa seseorang mujtahid itu tidak disyaratkan mahir dalam ilmu kalam. Perkara asas yang diperlukan oleh mujtahid ialah akidah yang benar. Berkaitan dengan ilmu mantiq pula, al-Qaradawi berpendapat mengetahui ilmu mantiq bukanlah merupakan syarat untuk berjihad, tetapi ilmu ini bermanfaat untuk membantu memahami kitab yang menggunakan metod ilmu mantiq dalam berhujah dan menyusun muqaddimah dalil untuk mencapai maksud atau kesimpulan. Manakala berkaitan dengan mengetahui cabang-cabang fiqh, al-Qaradawi bersetuju dengan pendapat al-Ghazali dalam *al-Mustasfa* bahawa walaupun syarat ini tidak diwajibkan, tetapi keupayaan untuk berjihad tidak boleh tercapai kecuali dengan mempraktikkan fiqh dan meneliti hasil-hasil para mujtahid sebelumnya. Oleh itu, syarat mengetahui cabang-cabang fiqh ini, merupakan persiapan intelektual bagi mujtahid untuk berjihad.

BENTUK IJTIHAD

Menurut al-Qaradawi, bentuk ijihad adalah meliputi tiga perkara iaitu:

1. Melakukan penelitian dan perbandingan terhadap karya-karya fiqh klasik pelbagai mazhab bagi mengambil pendapat yang terkuat untuk menetapkan hukum atau fatwa yang berkaitan dengan masalah semasa.

Pendapat ini hendaklah mengambil kira *maqasid shari'ah* dan menegakkan masalah bersesuaian dengan keadaan semasa dan setempat. Usaha ini dipanggil *ijihad intiqā'i* (al-Qaradawi 1990: 276-277). Al-Qaradawi (2002: 162) mengingatkan bahawa perbezaan pendapat dalam fiqh bukanlah sesuatu yang tercela, malah ia saling membantu dan menampung antara satu sama lain.

Sebagai contoh, beliau dalam masalah *rada'ah* (penyusuan) telah mengambil pendapat Imam al-Laith bin Sa'ad, Dawud Ibn 'Ali dan beberapa pengikut al-Zahiriyyah seperti Ibn Hazm (iaitu salah satu pendapat Imam Ahmad) yang menjadikan pertimbangan bagi pengharaman hubungan penyusuan dalam al-Quran ialah penyusuan yang terjadi melalui puting susu seorang wanita dengan disedut oleh bayi dan bukan sampainya susu ke dalam kerongkong bayi tersebut

dengan selain cara itu. Dengan demikian, al-Qaradawi mengharuskan “Bank Susu” jika ia memang diperlukan oleh masyarakat dan sesuai dengan kemaslahatan umat (al-Qaradawi 1993: 550-556). Beliau (1993: 169-178) menyatakan terdapat tiga faktor yang mempengaruhi ijtihad intiqā’i iaitu perubahan sosial politik setempat atau antarabangsa, perkembangan ilmu pengetahuan moden, dan tuntutan untuk memenuhi keperluan zaman moden.

Globalisasi yang berlaku kini menjadikan dunia semakin kecil, dan memerlukan kajian hukum yang tidak tertumpu kepada satu-satu mazhab sahaja, malah perlu digali semua pemikiran yang terdapat dalam khazanah fiqh. Terdapat banyak contoh yang dibicarakan oleh al-Qaradawi berkaitan dengan perubahan sosial politik setempat atau antarabangsa, perkembangan ilmu pengetahuan moden, dan tuntutan untuk memenuhi keperluan zaman moden. Antaranya ialah dalam persoalan hak bagi seorang gadis untuk menerima atau menolak suami yang dicadangkan oleh walinya yang dibolehkan menurut mazhab Hanafi. Ini adalah bertepatan dengan realiti masyarakat moden yang memberi peluang kepada wanita untuk menceburi bidang keilmuan, budaya, kerjaya dan berkemampuan untuk melihat realiti hidup (al-Qaradawi 1993: 337-341).

Menurut al-Qaradawi (1990: 276) proses perubahan pemikiran Islam berdasarkan teori *tarjih* tidak terlepas daripada tuntutan perkembangan ilmu pengetahuan moden terutama dalam bidang biologi dan ilmu alam. Antaranya ialah ketetapan bahawa unsur yang memabukkan dalam setiap minuman adalah alkohol sama ada ia daripada anggur, epal, gandum, bawang atau tebu. Begitu juga tentang tempoh maksimum kehamilan mengikut kajian ilmu perubatan moden ialah sembilan bulan. Pandangan ini boleh diterima kerana ia lebih mendekati adat kebiasaan, walaupun mazhab *Zahiriyyah* menyatakan setahun. Begitu juga dalam konteks tuntutan zaman moden yang mendesak, ia membolehkan wanita bermusafir tanpa ditemani suami atau walinya selagi terdapat jaminan keamanan ke atas diri wanita tersebut. Begitu juga dibolehkan melontar jumrah sebelum tergelincir matahari kerana terdapat unsur keterpaksaan yang timbul akibat kesesakan manusia di Tanah Haram.

2. Kembali kepada nas-nas yang thabit dan pemahaman daripadanya hendaklah diasaskan kepada objektif syariat secara umum (al-Qaradawi 1990: 276).

3. Berijtihad terhadap permasalahan-permasalahan baru yang tidak pernah dibincangkan oleh fuqaha’ terdahulu berpandukan dalil-dalil syariat seperti mana yang terdapat dalam usul al-fiqh dan kepada kaedah-kaedah umum fiqh Islam. Usaha ini dinamakan ijtihad insha’i. Atas dasar inilah al-Qaradawi mewajibkan zakat ke atas tuan punya tanah yang menyewakan tanahnya kepada petani sebagaimana diwajibkan ke atas penyewa tanah tersebut. Walau bagaimanapun, jika perkongsian dibuat secara muzara’ah, masing-masing wajib mengeluarkan zakatnya sendiri. Bentuk ijtihad seperti ini belum pernah dikemukakan sebelum ini. Cuma sebahagian besar ulama memfatwakan bahawa zakat pertanian dikenakan

kepada penyewa tanah sahaja. Demikian juga fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti Mesir (ketika itu) tentang keharusan gambar fotografi kerana *'illah* hukum bagi larangan taswir adalah kerana ada unsur menandingi ciptaan Allah (s.w.t.), sedangkan taswir dalam bentuk fotografi tidak boleh dianggap sedemikian, kerana ia masih merupakan ciptaan Allah (s.w.t.) yang diulang dalam bentuk foto (al-Qaradawi 1993: 699-700).

Selain daripada tiga bentuk ijtihad ini, terdapat satu lagi bentuk ijtihad, iaitu ijtihad gabungan antara ijtihad intiqā'i dan ijtihad insyā'i. Ia dilakukan dengan mentarjih pendapat-pendapat ulama salaf, dengan menambah unsur-unsur ijtihad baru (al-Qaradawi 2002: 183-191). Antaranya adalah fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Kuwait pada 29 September 1984 tentang masalah pengguguran kandungan. Dalam fatwa tersebut, di samping penapisan dan pentarjihan ke atas pandangan ahli-ahli fiqh, ditambahkan juga dengan unsur ijtihad insyā'i yang merupakan tuntutan kemajuan ilmu perubatan moden (al-Qaradawi 2002: 189).

Menurut fatwa tersebut, doktor adalah dilarang melakukan pengguguran ke atas kandungan yang berusia 120 hari, kecuali untuk menyelamatkan nyawa si hamil. Kandungan yang berusia kurang daripada 40 hari, dibolehkan dengan persetujuan suami isteri. Sementara kandungan yang berusia 40 hari dan belum mencapai 120 hari tidak boleh digugurkan, kecuali dalam dua keadaan, iaitu jika kandungan tersebut akan membahayakan keselamatan ibu dan jika janin yang akan lahir itu mengalami kecacatan fizikal atau mental yang tidak mungkin dapat dipulihkan. Pengguguran mesti dilakukan di hospital dan bukan pada kandungan yang telah berusia 40 hari, kecuali dengan ketetapan sekurang-kurangnya dua orang doktor pakar. Salah seorang daripadanya adalah pakar kanak-kanak dan wanita serta dua orang selain mereka yang dijamin kejujurannya (al-Qaradawi 2002: 189).

Al-Qaradawi (2002: 284-286) menyarankan agar ijtihad pada masa kini dilakukan secara kolektif mengikut pengkhususan masing-masing. Ini adalah bagi memudahkan lagi usaha ijtihad dan barangkali lebih mendekati kebenaran. Menurut al-Qaradawi lagi, ijtihad kolektif ini boleh berupa satu organisasi yang dianggotai oleh ahli fiqh Islam sedunia, tanpa mengambil kira perbezaan wilayah atau mazhab yang dianuti. Apa yang paling penting ialah organisasi tersebut mestilah bersikap berkecuali. Namun demikian, ijtihad berbentuk kumpulan ini tidak bererti memadamkan ijtihad perseorangan. Ini adalah kerana, bagi beliau ijtihad kolektif merupakan langkah kedua selepas ijtihad dilakukan secara personal.

Oleh itu, seseorang yang dalam usaha ijtihad bagi mengeluarkan sesuatu fatwa kepada masyarakat perlu mempunyai kaedah yang betul supaya hukum yang dikeluarkan adalah sejajar dengan semangat syariat. Al-Qaradawi menyatakan dua resipi beliau dalam berfatwa, iaitu pembacaan kitab-kitab dari seluruh mazhab fiqh, dan pembacaan realiti kehidupan masyarakat semasa. Beliau menyenaraikan beberapa kaedah yang boleh digunakan dalam mengeluarkan

fatwa, antaranya ialah (Lihat Fasal ketiga al-Qaradawi (1992); & Bahagian pendahuluan al-Qaradawi (1993)):

1. Tidak bersikap taksub kepada sesuatu mazhab dan taqlid buta. Menurut al-Qaradawi, sikap ini bukan bermakna menafikan hasil kajian dan ijtihad mereka, tetapi warisan tersebut dijadikan rujukan yang berfaedah pada masa kini meskipun ia bersumber daripada pelbagai aliran mazhab fiqh yang muktabar. Terdapat beberapa perkara yang perlu ditekankan oleh ulama masa kini iaitu:
 - a. Tidak mengambil sesuatu pendapat bagi satu-satu persoalan tanpa didasari oleh dalil dan hujah yang kuat.
 - b. Hendaklah mempunyai kemampuan untuk melakukan pentarjihan di antara pendapat yang saling bercanggah dengan menggunakan kaedah perimbangan antara kekuatan dalil-dalil selain merujuk kepada dalil-dalil *naql* dan *‘aql* untuk memilih satu pendapat yang sesuai dengan nas syarak dan objektifnya.
 - c. Mempunyai kepakaran dalam *ijtihad juz’i* iaitu ijtihad pada satu-satu masalah sekalipun belum ada ketetapan hukum daripada ulama sebelumnya.
2. Bersikap mempermudah dan meringankan, bukannya menyulitkan manusia. Ini adalah kerana syariat Islam terbina berasaskan kemudahan dan menghilangkan kesesahan ke atas hamba-hambanya (Lihat al-Ma’idah 5: 6, al-Baqarah 2: 185, al-Nisa’ 4: 28 & al-Hajj 22: 78) dan keadaan realiti umat Islam zaman kini yang lebih kepada bersikap negatif daripada positif terhadap hal-ehwal agama dan berbuat kebajikan. Al-Qaradawi menegaskan kemudahan yang dimaksudkan ialah kemudahan yang tidak bertembung dengan nas-nas yang *thabit* dan *muhkam*, tidak juga bertentangan dengan kaedah syariat yang bersifat *qat’i*. Kemudahan yang dimaksudkan ialah yang selari dan sesuai dengan semangat syariat Islam itu sendiri.
3. Berkomunikasi dengan manusia menggunakan bahasa semasa yang mudah difahami, lancar dan jelas. Perkara yang perlu ditekankan dalam memenuhi kaedah ini ialah:
 - a. Menyampaikan sesuatu pemikiran dengan menggunakan akal fikiran dan logik, bukannya mengikut perasaan.
 - b. Mengelakkan daripada menggunakan istilah atau frasa yang asing atau sukar difahami. Menurut al-Qaradawi, bahasa yang digunakan mestilah bersifat sederhana tidak terlalu tinggi dan tidak terlalu rendah supaya ia sesuai dengan golongan berpendidikan dan juga golongan bawahan.
 - c. Perlu dijelaskan hikmah dan *‘illah* di sebalik ketentuan sesuatu hukum dan disertai dengan falsafah Islam secara umum.

4. Tidak menyibukkan diri dan masyarakat kecuali dalam perkara yang mendatangkan manfaat dan sangat diperlukan dalam realiti kehidupan yang sedang dihadapi. Al-Qaradawi berpaling daripada menjawab persoalan yang mengundang perdebatan sesama sendiri, sengaja memandai-mandai dan menunjuk-nunjuk, semata-mata menguji keilmuan mufti atau perkara-perkara ganjil, kerana ia langsung tidak berfaedah bahkan mendatangkan kemudaratan dan memecahbelahkan umat.

5. Bersikap adil dan pertengahan. Bersikap adil dan pertengahan ini ialah pertengahan antara sikap *tafrit* dan *ifrat*, antara golongan yang ingin melepaskan diri daripada ikatan hukum dengan alasan menyesuaikan diri dengan perkembangan realiti semasa, dan golongan yang hanya berpegang teguh dengan warisan fiqh lama tanpa menimbangkan faktor realiti semasa masyarakat Islam. Seperti golongan yang menghalalkan riba kerana berpendapat, riba pada ketika ia diharamkan kerana orang yang mengambilnya adalah terdiri daripada orang-orang kaya sahaja, sedangkan orang yang memberi riba tersebut terdiri daripada golongan miskin dan lemah. Pendapat ini adalah berbeza dengan keadaan sekarang. Mereka yang mengambil riba adalah pekerja atau pegawai yang miskin dan lemah. Begitu juga golongan yang menuntut persamaan dalam pembahagian harta waris dengan alasan realiti wanita pada zaman dahulu adalah jauh berbeza dengan kini. Wanita masa kini telah mencapai kemajuan dan taraf hidup yang sama dengan lelaki (al-Qaradawi 1993: 21- 23).

6. Mengemukakan fatwa berserta dengan syarah dan perinciannya. Terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian ketika mengeluarkan fatwa. Antaranya menurut al-Qaradawi ialah:

- a. Menyertakan dalil dan hujah termasuk hujah yang berbeza antara satu sama lain.
- b. Menerangkan *illah* dan hikmah hukum tersebut.
- c. Melakukan perbandingan antara pandangan Islam dan agama-agama lain dalam isu yang dibincangkan.
- d. Mengambil pendapat Ibn Qayyim dalam kitabnya *I'lam al-Muwaqqi'in*. Al-Qaradawi berpendapat adalah perlu diterangkan pendahuluan (*tamhid*) bagi hukum-hukum yang agak asing bagi penanya supaya penjelasan hukum itu dapat diterima dengan baik.
- e. Para mufti perlu mengemukakan alternatif yang halal bagi sesuatu perkara yang difatwakannya sebagai haram. Ini kerana tiada suatu pun perkara yang diharamkan oleh Allah (s.w.t.), melainkan ada penggantinya yang dihalalkan-Nya (al-Qaradawi 1985: 32-33).
- f. Mengaitkan hukum persoalan yang ditanya dengan hukum Islam yang lain. Ini dapat menyerlahkan lagi keadilan dan kesempurnaan ajaran Islam. Contohnya, hukum tentang pembahagian harta waris kepada wanita dan lelaki tidak boleh dilihat secara terpisah, tanpa mengaitkannya dengan

kewajipan dan tanggungjawab suami isteri dalam sesuatu perkahwinan (al-Qaradawi 1985: 29).

- g. Dalam situasi tertentu seseorang mufti tidak perlu untuk menjawab persoalan yang diajukan kerana perkara tersebut tidak memberi manfaat. Contohnya, persoalan tentang al-Quran itu makhluk atau bukan.
- h. Untuk menerangkan hukum terhadap sesuatu perkara, kadang-kadang perlu diterangkan perkara lain yang boleh menyempurnakan persoalan tersebut atau berkaitan dengannya, atau mempunyai persamaan atau berlawanan dengan persoalan tadi dan sebagainya walaupun ia tidak ditanya. Contohnya, hukum bid'ahnya solat sunat malam nisf Sya'ban dikaitkan dengan bid'ahnya solat al-ragha'ib pada awal Rejab, hukum sunatnya solat sunat sebelum subuh dikaitkan dengan solat sunat rawatib yang lain dan sebagainya (al-Qaradawi 1985: 32).

Fatwa al-Qaradawi didapati meliputi segenap bidang dalam Islam termasuk mengenai akidah, sumber hukum Islam iaitu al-Quran dan al-Sunnah, usul al-fiqh, bidang ibadat, hal-ehwal wanita dan kekeluargaan, kemasyarakatan, ekonomi dan kewangan, perubatan, politik dan pemerintahan. Fatwa-fatwa beliau terkumpul khususnya dalam bukunya, *Fatawa Mu'asirah* dalam dua jilid dan juga buku-buku beliau yang lain mengenai fiqh. Fatwa-fatwa beliau juga boleh didapati dalam akhbar-akhbar utama di Timur Tengah.

Selain daripada itu, al-Qaradawi juga sentiasa peka dan memberikan pendapat-pendapat beliau terhadap isu-isu semasa umat Islam. Antaranya, berkenaan peristiwa serangan terhadap World Trade Centre di Amerika Syarikat pada 11 September 2001. Beliau mengharamkan perbuatan merampas pesawat awam dengan menjadikannya sebagai alat untuk memerangi orang lain. Fatwa ini disiarkan pada 12 Oktober 2001, dan fatwa ini berasaskan kepada tiga perkara iaitu (Lihat bahagian *Fatawa wa Ahkam*, <http://www.qaradawi.net>. 13 Mac 2003):

1. Islam mengharamkan permusuhan yang mencabuli hak-hak kehidupan, kehormatan dan kebebasan manusia.
2. Diharamkan konsep seseorang menanggung dosa atau kesalahan orang lain. Setiap individu bertanggungjawab terhadap kesalahannya sendiri dan dia tidak dipersalahkan atas kesalahan orang lain.
3. Kaedah Islam iaitu sesuatu matlamat tidak menghalalkan cara.

Mengenai serangan berani mati rakyat Palestin dengan memasang bom di badan mereka, al-Qaradawi berpendapat perbuatan yang dilakukan itu adalah bagi mempertahankan negara dan maruah agama Islam adalah dikira melakukan antara sebesar-besar jihad. Dengan demikian, anggapan terhadap perbuatan ini sebagai membunuh diri adalah salah sama sekali. Mereka yang mati kerana melakukan serangan ini dikira sebagai mati syahid selagi mana niat mereka adalah kerana Allah (s.w.t.) dan menentang musuh Allah (s.w.t.). Fatwa ini disiarkan

pada 22 April 2001 dalam akhbar *al-Watan al-Qatariyyah*. Berkenaan dengan fatwa ini, ada pendapat yang mengatakan bahawa serangan tersebut adalah dibolehkan dengan syarat hendaklah dijauhi daripada orang awam. Dalam hal ini, al-Qaradawi menjawab bahawa serangan mereka itu bukan ditujukan kepada orang awam. Walau bagaimanapun, ia merupakan sesuatu yang dimaafkan. Walau bagaimanapun, al-Qaradawi dalam satu wawancara pada 14 September 2002, dalam akhbar *al-Syarq al-Qatariyyah* menegaskan bahawa masyarakat Israel adalah masyarakat tentera. Mereka yang tidak menjadi tentera pada hari ini adalah tentera pada masa yang akan datang, sama ada lelaki atau wanita.

Umat Islam diwajibkan berjihad dan menolong saudara mereka. Haram bagi umat Islam menolong dan menyokong pencabulan mana-mana pihak terhadap negara umat Islam. Al-Qaradawi mewajibkan umat Islam untuk memboikot semua barangan buatan Amerika dan Israel. Lebih tegas lagi, beliau menggolongkan perbuatan membeli produk Amerika Syarikat dan Israel adalah tergolong dalam dosa-dosa besar. Dalam hal ini, kerajaan adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar tersebut. Menurut al-Qaradawi lagi, tindakan ini adalah termasuk dalam jihad dalam bidang ekonomi. Ini adalah kerana Amerika adalah menjadi penaung kepada kegiatan Israel yang menindas Palestin. Fatwa al-Qaradawi ini disiarkan dalam khutbah Jumaat pada 12 April 2002 (Lihat bahagian *Fatawa wa Ahkam* dan *Khutab wa Muahadat* dalam <http://www.qaradawi.net>. 13 Mac 2003). Selain daripada isu ini, al-Qaradawi dalam akhbar *al-Rayah a-Qatariyyah*, yang disiarkan pada 22 Ogos 2002, juga menyatakan bahawa melabur dan menyimpan wang di dalam bank-bank Amerika Syarikat adalah haram.

Dalam isu pengklonan manusia, al-Qaradawi dalam fatwanya berkata bahawa ia adalah satu isu baru yang memerlukan kajian yang segera tidak ada *qiyas* mahupun perbincangan ulama sebelumnya. Beliau menegaskan bahawa Islam menggalakkan kajian-kajian sains dengan syarat hendaklah ia terikat dengan nilai-nilai agama dan akhlak. Menurut al-Qaradawi lagi, Islam mengharamkan pengklonan manusia kerana ia membawa kemudaratan ke atas manusia dengan menafikan variasi dan sunnah berpasangan dan perkahwinan yang merupakan fitrah bagi makhluk. Adalah jelas bahawa pengklonan manusia ini mewujudkan implikasi hubungan antara pengklon dengan yang diklon yang berkecamuk kerana mereka merupakan individu yang berasingan. Walau bagaimanapun, pengklonan digalakkan untuk menghasilkan anggota-anggota badan yang lain seperti jantung, hati dan sebagainya dalam usaha merawat mereka yang memerlukan. Al-Qaradawi dalam akhbar *al-Rayah a-Qatariyyah*, yang disiarkan pada 30 Disember 2002, menyatakan bahawa konsep klon ini dapat mengingatkan manusia tentang keimanan dengan hari akhirat. Ini adalah kerana pada hari akhirat nanti, semua manusia akan dibangkitkan, dihisab dan, diberi pembalasan. Fatwa al-Qaradawi ini adalah selaras dengan fatwa Majlis Fatwa Negara-negara Eropah yang bersidang pada 22 hingga 26 Januari 2003 yang dipengerusikan oleh beliau sendiri (lihat bahagian *Nadawat wa Mu'tamarat*, <http://www.qaradawi.net>. 13 Mac 2003).

KESIMPULAN

Umat Islam wajib menyakini bahawa syariat Islam merupakan perundangan syumul yang praktikal pada setiap masa dan tempat. Untuk itu, Yusuf al-Qaradawi menyenaraikan beberapa perkara yang perlu bagi melaksanakan syariat Islam iaitu keperluan kepada ijtihad kontemporari, pelaksanaan syariat secara menyeluruh tanpa dipilih-pilih mengikut keperluan tertentu, dan menghapuskan unsur-unsur jahiliyyah dalam masyarakat dari segenap aspek. Al-Qaradawi juga menyenaraikan beberapa bentuk fiqh yang perlu diberi perhatian dalam melaksanakan syariat dengan lebih berkesan. Dalam konteks ijtihad pula, al-Qaradawi merupakan ulama yang sederhana dalam menetapkan syarat-syarat yang perlu dipenuhi untuk meletakkan seseorang sebagai mujtahid. Beliau juga menekankan perlunya ijtihad dilakukan secara kolektif untuk menangani isu-isu baru dalam masyarakat yang semakin kompleks. Dalam metodologi mengeluarkan hukum, al-Qaradawi menggabungkan pemahaman terhadap *maqasid syariah* dan juga realiti masyarakat semasa. Walau bagaimanapun, beliau tidak mengeneipkan pandangan-pandangan ulama silam dalam kitab *turath* kerana ia sangat penting sebagai asas dan panduan berguna kepada umat kini.

RUJUKAN

- al-Amidi, °Ali Ibn Abi °Ali Ibn Muhammad. 1985. *al-Ihkam fi usul al-ahkam*. Juzuk 4. Beirut: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- al-Qaradawi. 1977. *al-Jam° bayna al-thabat wa al-murunah*. Dlm. al-Qaradawi. *al-Khasa° is al-°Ammah li al-Islam*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Qaradawi. 1980. *Musykilah al-faqr wa kayf °alajaha al-Islam*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Qaradawi. 1985. *al-Halal wa al-haram fi al-Islam*. Kaherah: Al-Maktab al-Islami.
- al-Qaradawi. 1992. *Awlawiyyat al-harakat al-Islamiyyah fi marhalah al-qadimah*. Beirut: Mu°assasah al-Risalah.
- al-Qaradawi. 1993. *Malamih al-Mujtama° al-Muslim alladzi nansyuduh*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Qaradawi. 1997. *Shari°ah al-Islam salihah li al-tatbiq fi kull zaman wa makan*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Qaradawi. 1999. °Awamil al-si°ah wa al-murunah fi al-shari°ah al-Islamiyyah. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Qaradawi. 2000. *Fi fiqh al-awlawiyyat: Dirasah jadidah fi Daw° al-Qur°an wa al-Sunnah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Qaradawi. 2001. *Akhbar al-Watan al-Qatariyyah*. 22 April.
- al-Qaradawi. 2002. *Akhbar al-Rayah al-Qatariyyah*. 22 Ogos.
- al-Qaradawi. 2002. *Akhbar al-Rayah al-Qatariyyah*. 30 Disember 2002.
- al-Qaradawi. 2002. *Akhbar al-Sharq al-Qatariyyah*. 14 September.
- al-Qaradawi. 2003. Bahagian *fatawa wa ahkam* 12 Oktober 2001. (atas talian) <http://www.qaradawi.net>. (13 Mac 2003).

- al-Qaradawi. 2003. Bahagian *Nadawat wa Mu'tamarat*. (atas talian) <http://www.qaradawi.net>. (13 Mac 2003).
- al-Qaradawi. 2003. Khutbah Jumaat Bahagian *fatawa wa ahkam & khutab wa muhadarat* 12 Oktober 2001. (atas talian) <http://www.qaradawi.net>. (13 Mac 2003).
- al-Qaradawi. 1984. *al-Sahwah al-Islamiyyah bayna al-juhud wa al-tatarruf*. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- al-Qaradawi. 1990. *Madkhal li dirasah al-syarī'ah al-Islamiyyah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Qaradawi. 1993. *Min hady al-Islam fatawa Mu'asirah*. Juzuk 2. Cetak ke-2. t.tp.: Dar al-Wafa'.
- Yusuf al-Qaradawi. 2002. *Ijtihad dalam syariat Islam: Beberapa analitis tentang ijtihad semasa*. Terj. Kuala Lumpur: Crescent News (KL) Sdn. Bhd.

Kolej Kemahiran Tinggi MARA
Pasir Mas
Kelantan Darul Naim
Malaysia
nas_h2003@hotmail.com